

**NO. SOALAN : 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN V. SIVAKUMAR  
[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah keuntungan yang bersih yang boleh diperolehi oleh Tenaga Nasional Berhad bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos 2014. Adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula dan mengurangkan tarif yang dikenakan pada masa ini untuk meringankan beban rakyat.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Berdasarkan kepada Laporan Tahun Kewangan 2013/2014 yang berakhir pada 31 Ogos 2014, TNB (Kumpulan) telah mencatatkan untung bersih selepas cukai sebanyak RM6.4 bilion. Diantara faktor yang menyumbang ke aras peningkatan keuntungan ini adalah penurunan cukai korporat sebanyak 1% oleh Kerajaan Malaysia serta pertumbuhan dalam permintaan elektrik pada kadar 2.5%.
  
2. Disamping itu, bagi tempoh berkenaan, pihak TNB telah membuat perbelanjaan Modal (*Capital Expenditures (CAPEX)*) yang tertinggi dalam sejarah TNB iaitu sebanyak RM10.0 bilion yang digunakan untuk penyediaan infrastruktur, penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem bagi mengekalkan kestabilan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4.9 billion dibelanjakan untuk penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem bagi memastikan ianya cekap dan berdayaharap.

3. Seperti yang Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 5 November 2014 yang lalu , YB Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telahpun mengumumkan bahawa atas keprihatinan terhadap kebijakan rakyat, Kerajaan telah memutuskan untuk mengekalkan kadar tarif elektrik sehingga akhir Jun 2015. Akibat keputusan ini, Kerajaan akan menampung tambahan kos sebanyak RM1.683 billion untuk kos bahan api dan penjanaan atau *Imbalanced Cost Pass-Through (ICPT)*, dengan izin, dengan menggunakan hasil penjimatan daripada rundingan semula Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA), Penjana Tenaga Bebas (IPP) Generasi Pertama untuk membiayai tambahan kos ini. Ini termasuklah mengekalkan harga gas domestik (berpaip) yang dibekalkan oleh PETRONAS kepada Sektor Elektrik pada kadar semasa iaitu RM15.20/MMBtu.

4. Secara terperinci, jumlah kos *ICPT* yang terlibat bagi tempoh bulan Januari 2014 hingga Jun 2014 adalah sebanyak RM465.93 juta, manakala bagi tempoh Julai 2014 hingga Disember 2014 adalah sebanyak RM382.03 juta. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM847.96 juta, yang bersamaan dengan kenaikan kadar tarif elektrik sebanyak 1.62 sen/kWj, yang akan ditampung menggunakan penjimatan hasil rundingan semula PPA, IPP Generasi Pertama. Di samping itu, susulan daripada keputusan Kerajaan untuk menangguhkan kenaikan

harga gas berpaip, PETRONAS akan menanggung *foregone revenue* bagi tempoh Julai 2014 hingga Jun 2015 sebanyak RM836 juta. Jelasnya, kos sebanyak RM1.683 billion yang ditampung oleh Kerajaan telah mengekalkan tarif elektrik pada kadar semasa supaya tidak berlaku sebarang kenaikan tarif sehingga akhir Jun 2015.

5. Keputusan yang dibuat oleh Kerajaan ini adalah untuk mengurangkan impak rasionalisasi subsidi dan ketidaktentuan harga bahanapi di peringkat global. Namun demikian, tindakan yang diambil ini hanyalah untuk jangkamasa pendek. Baki penjimatan hasil rundingan semula PPA, IPP Generasi Pertama, akan berkurangan setelah digunakan untuk kali ini dan tidak akan mencukupi bagi menampung kos-kos *ICPT* akan datang. Oleh itu, Kerajaan menggesa rakyat untuk memainkan peranan, masing-masing, dengan menggunakan tenaga elektrik secara berhemah dan mengurangkan pembaziran.

\*\*\*\*\*